

NOTIS

Ruj. : AKKM: MAPA 2/5/19 Jld.4 (82)

Tarikh : 11 Jun 2026

Perwakilan Koperasi MAPA / Pengerusi Koperasi Anggota ANGKASA

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40 (MAPA 2026)

Dengan hormatnya Pemberitahuan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) dan Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) bertarikh 1 April 2026 dengan rujukan, AKKM: MAPA 2/5/19 Jld. 4 (13) adalah dirujuk.

2. Selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil ANGKASA [UUK 25(1)] Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 27 Jun 2026 (Sabtu)

Masa : 9:00 pagi

Kaedah : Fizikal dan Atas Talian (Aplikasi *Zoom Meeting*)

**Tempat : Pusat Siaran Aplikasi *Tele-conferencing Zoom Meeting*:
Auditorium ANGKASA, Tingkat 2, Wisma Ungku A. Aziz, Jalan SS 6/1,
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan**

3. Sehubungan dengan itu, semua perwakilan koperasi dikehendaki mendaftar menggunakan Aplikasi *Tele-conferencing Zoom Meeting* untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) secara atas talian pada **26 Jun 2026 bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang** dengan menggunakan pautan <https://mapa.angkasa.coop> dan **KATA LALUAN** untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) akan diperolehi setelah pendaftaran dibuat.

4. Perwakilan koperasi hendaklah menggunakan pautan yang sama bagi pengundian Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) dengan memasukkan **Kata Laluan** yang akan diberi semasa agenda pengundian dijalankan. Perwakilan juga diingatkan untuk menggunakan nombor telefon bimbit yang didaftarkan di dalam Borang Penamaan Perwakilan Koperasi.

5. Bersama-sama surat ini disertakan maklumat serta dokumen MAPA ke-40 seperti berikut :

a. **Atur Cara dan Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA - LAMPIRAN 1 ke-40 (MAPA 2026)**

b. **Pautan dan Kod QR Buku Laporan dan Dokumen MAPA ke-40 - LAMPIRAN 2 (MAPA 2026)**

6. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat ANGKASA Negeri atau Ibu Pejabat ANGKASA, En. Mohd. Hishamizan Yahya di talian 03-7454 8255 / En. Azman Ahamad di talian 03-7884 6453 / En. Badrul Hizam Mohd Shafiei di talian 03-7800 7884 di Bahagian Pengurusan Sekretariat dan Tadbir Urus, Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran atau emel: mesyuaratagung.angkasa@gmail.com.



Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan diucapkan ribuan terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



HAJI ANUAR BULIN

Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan

- s.k. : Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- : Pengerusi
Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA 2026)
- : Timbalan Pengerusi
Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA 2026)

**PENDAFTARAN DAN ATUR CARA
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40 (MAPA 2026)**

**HARI PERTAMA
26 JUN 2026 : (JUMAAT)**

PENDAFTARAN

- 8:00 pagi - 5:00 petang - Pendaftaran Perwakilan Koperasi ke Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) secara atas talian melalui Link <https://mapa.angkasa.coop>

**HARI KEDUA
27 JUN 2026 : (SABTU)**

MAJLIS PERASMIAN

- 7:00 pagi - 9:00 pagi - Pendaftaran Masuk Perwakilan secara atas talian
- 8:30 pagi - 8:45 pagi - Perwakilan fizikal mengambil tempat dalam dewan
- 9:00 pagi - Nyanyian Lagu Kebangsaan *Negaraku* dan Lagu *Sepakat Membina*
- Doa dan Bacaan Ayat Suci Al-Quran
- Ucapan Perasmian
YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah
Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Naib Presiden International Cooperative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP)
- Sidang Media

MESYUARAT AGUNG

- 10:30 pagi - Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) bermula
- 1:00 tengah hari - 2:15 petang - Jamuan Makan / Rehat / Solat
- 2:15 petang - sehingga tamat - Sambungan Mesyuarat Agung

AGENDA

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40 (MAPA 2026)

1. Mengesahkan Minit MAPA ke-39 (MAPA 2025) pada 5 Julai 2025.
2. Menimbang dan Meluluskan Pindaan Aturan ANGKASA.
3. Memilih :
 - 3.1 Dua Orang Naib Presiden ANGKASA;
 - 3.2 Mengesahkan Pelantikan Lembaga ANGKASA mewakili Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); dan
 - 3.3 Memilih Enam Orang daripada Perwakilan Koperasi dan Mengesahkan Pelantikan Empat Orang daripada Lembaga ANGKASA sebagai Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ke-40.
4. Menimbang Laporan Lembaga ANGKASA dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dari 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.
5. Menimbang dan Meluluskan Penyata Kewangan ANGKASA bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025 berserta Laporan Juruaudit Luar dan Pandangan Ketua Pendaftar.
6. Menimbang dan Meluluskan:
 - 6.1 Pindaan Anggaran Belanjawan ANGKASA bagi Tahun Kewangan 2026.
 - 6.2 Anggaran Belanjawan ANGKASA bagi Tahun Kewangan 2027.
 - 6.3 Anggaran Belanjawan Modal Aset ANGKASA bagi Tahun Kewangan 2027.
7. Menimbang dan Meluluskan :
 - 7.1 Cadangan Kadar Elaun Mesyuarat untuk Anggota Lembaga ANGKASA dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) bagi Tahun Kewangan 2027 dan seterusnya.
 - 7.2 Cadangan Kadar Elaun Mesyuarat kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik sebagai Lembaga Pengarah Subsidiari ANGKASA bagi Tahun Kewangan 2027 dan seterusnya.
 - 7.3 Cadangan Pembayaran Honorarium / Sagu hati kepada Anggota Lembaga ANGKASA Yang Dilantik menjadi Lembaga Pengarah Subsidiari bagi Tahun Kewangan 2025.
 - 7.4 Polisi Perolehan ANGKASA.
8. Meluluskan Pelantikan Suatu Panel yang Terdiri daripada Tidak Kurang daripada Dua (2) Firma Audit untuk Mengaudit Akaun-akaun ANGKASA bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2027.
9. Menetapkan Had dan Skop Pelaburan sehingga Maksimum RM1 Billion bagi Tahun Kewangan 2027.
10. Menentukan Had Maksimum Keterhutangan RM1 Billion bagi Tahun Kewangan 2027.
11. Menimbang dan Meluluskan Rancangan Perniagaan ANGKASA bagi Tahun Kewangan 2027.
12. Mendengar dan Memutuskan Apa-apa Usul yang Diterima daripada Koperasi.

**SILA MUAT TURUN
BUKU MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40 (MAPA 2026)**

- i. Buku 1 - Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-39 (MAPA 2025), Aturan dan Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026)
- ii. Buku 2 - Laporan Lembaga ANGKASA dan Jawatankuasa Audit Dalaman
- iii. Buku 3 - Laporan Kewangan ANGKASA 2025 dan Belanjawan 2027
- iv. Buku 4 - Rancangan Perniagaan ANGKASA bagi Tahun Kewangan 2027
- v. Buku 5 - Pindaan Aturan ANGKASA
- vi. Buku 6 - Usul Koperasi
- vii. Buku 7 - Pencalonan Jawatankuasa Anggota Lembaga ANGKASA dan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA

MENGGUNAKAN IMBASAN KOD QR ATAU PAUTAN DI BAWAH:



<http://mesyuaratagung.angkasa.coop>